

# Kesinambungan perjuangan tak semesti melalui keluarga

**K**UALA LUMPUR 23 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kesinambungan perjuangan dalam parti tidak semestinya bergantung kepada ikatan kekeluargaan semata-mata.

Menurut beliau, kesinambungan kepimpinan sentiasa ada dalam UMNO sebagai sebuah parti besar yang mewakili orang Melayu.

"Tetapi kesinambungan tidak semestinya dilakukan melalui keluarga atau perkara lain sepertinya sahaja," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kemenangan cemerlang anaknya, Datuk Mukhriz pada pemilihan exco Pergerakan Pemuda UMNO.

Ditanya mengenai kemenangan tersebut, beliau melahirkan rasa bersyukur dengan kemenangan anak itu.

Dr. Mahathir yang juga bekas Presiden UMNO turut berbangga kerana kemenangan tersebut diperoleh hasil kerja keras anaknya di dalam parti dan bukannya atas faktor Mukhriz adalah anak kepada bekas Perdana Menteri.

"Saya tidak mahu dia bertanding semasa saya menjadi Perdana Menteri, ini (kemenangan) kerana dia sendiri," katanya.

Mukhriz mendapat 649 undi. Sebanyak 58 calon bertanding merebut 20 jawatan exco Pemuda.

"Kalau orang pilih dia Alhamdulillah, saya bersyukur," katanya.



MUKHRIZ Mahathir mencium tangan bapanya Dr. Mahathir Mohamad sambil diperhatikan oleh ibunya Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Datin Seri Endon Mahmood pada Perhimpunan Agung UMNO di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.